



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 FEBRUARY 2017

Himpunan 355 untuk raih undi - Tun M

Um - 20/2/2017

KUALA LUMPUR 19 Feb. - Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad menuduh Himpunan Rang Undang-undang 355 yang dihadiri ribuan umat Islam di Padang Merbok di sini semalam sebagai platform Pas untuk meraih undi.

Bekas Perdana Menteri itu juga menyatakan, tujuan himpunan berkenaan untuk mendapatkan sokongan terhadap usaha pindaan Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) Pindaan 2016 menjadi salah apabila ia bercampur aduk dengan kepentingan politik.

"Dalam Islam niat amat penting. Kalau niat nak menang pilihan raya, itu dah salah. Tapi kalau niat nak majukan Islam, baik. Tapi nampaknya niat (himpunan) untuk politik, jadi dah salah," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri majlis sambutan Tahun Baharu Cina di Cheras hari ini.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir menegaskan beliau menolak usul penambahbaikan itu yang merangkumi hukuman penjara sehingga 30 tahun, denda RM100,000 dan sebatan syariah tidak lebih 100 kali kerana Islam memberikan keadilan kepada semua pihak.

"Ini nak sebat 100 kali, matilah. Kalau masuk penjara 30 tahun, habislah riwayat dia. Ini bukan cara Islam.

"Cara Islam adalah adil dan bertimbang rasa," katanya yang menjelaskan dalam sesebuah negara, undang-undang yang sama perlu dikuatkuasakan kepada semua rakyat.

Walaupun lantang mengkritik Pas, nada Dr. Mahathir berubah apabila mengulas cadangan kerjasama parti itu dengan PPBM.

"Kita bagi satu bulan, kalau mereka tak mahu memikir, kita bagi satu bulan juga. Mungkin pada hujung bulan mereka tukar fikiran. Tapi pecah-belahkan orang Islam adalah dilarang oleh agama," katanya.